

SULIT

SPSS/APR2016/DPI2103



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

KURSUS	:	USUL FIQH
KOD KURSUS	:	DPI2103
PEPERIKSAAN	:	APRIL 2016
MASA	:	2 JAM 30 MINIT

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:
 - BAHAGIAN A (20 Markah)
 - BAHAGIAN B (60 Markah)
 - BAHAGIAN C (20 Markah)

2. Jawab **SEMUA** soalan dari BAHAGIAN A, Jawab **ENAM (6)** soalan dari BAHAGIAN B dan Jawab **SATU (1)** soalan dari BAHAGIAN C .
 - i. Jawab BAHAGIAN A di dalam Borang Jawapan Objektif
 - ii. Jawab BAHAGIAN B dan C di dalam Buku Jawapan.

3. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.

4. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Borang Jawapan Objektif
 - iii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU
KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 12 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi DUA PULUH (20) soalan. Jawab SEMUA soalan di dalam Borang Jawapan Objektif.

1. Apakah pendedahan yang pelajar boleh peroleh melalui Ilmu Usul Fiqh?
 - i. Cara ulama mendapatkan hukum
 - ii. Mengetahui hadis yang boleh dijadikan sumber hukum
 - iii. Memberikan hukum bagi isu-isu moden yang dihadapi oleh masyarakat
 - iv. Mengeluarkan fatwa jika timbul persoalan-persoalan kewangan moden yang tidak pernah dialami oleh umat terdahulu

A. i, ii dan iii
B. i, iii dan iv
C. ii, iii dan iv
D. Semua pilihan di atas

2. Apakah sumber hukum yang digunakan pada zaman Nabi SAW jika ketiadaan dalil atau nas?

A. Sunnah
B. Al-Quran
C. Ijtihad
D. Qiyas

3. Khalifah Ali bin Abu Talib r.a telah menetapkan hukuman ke atas peminum arak dengan _____ sebatan.

A. 50
B. 70
C. 80
D. 90

4. Antara skop perbincangan dalam Usul Fiqh ialah:
- i. Dalil-dalil syarak
 - ii. Dalil hukum yang disepakati dan tidak disepakati
 - iii. Hukum *Taklifi* dan hukum *Wad'i*
 - iv. Sifat dan keadaan seseorang *mukallaf*
- A. i, ii dan iii
B. i, iii dan iv
C. ii, iii dan iv
D. Semua pilihan di atas
5. Apakah kaedah yang digunakan oleh Umar bin al-Khattab ketika pemerintahan beliau?
- A. *Maslahah Mursalah*
B. *Istihsan*
C. *Sadd al-Zara'i*
D. *Ijmak*
6. Apakah ciri-ciri kaedah penyusunan Imam Syafi'i dan Mutakallimin?
- i. Berdasarkan nas dan dalil
 - ii. Meninggalkan kaedah yang bertentangan syarak
 - iii. Mengasingkan perbahasan yang menyentuh masalah fiqh
 - iv. Meletakkan kaedah bersesuaian dengan *ijtihad*
- A. i, ii dan iii
B. i, iii dan iv
C. ii, iii dan iv
D. Semua pilihan di atas

7. Antara berikut yang manakah **BENAR** mengenai hukum *Taklifi*?
- A. Mengandungi tuntutan melakukan sesuatu atau meninggalkan
 - B. Menjadi syarat kepada sesuatu hukum
 - C. Menjadi rukun kepada sesuatu hukum
 - D. Menentukan masa dan tempat melaksanakan sesuatu hukum
8. Apakah maksud *Wajib Muhaddad*?
- A. Tuntutan yang tidak ditentukan waktu tertentu untuk menunaikannya
 - B. Tuntutan wajib yang ditetapkan masa dan waktu untuk menunaikannya
 - C. Mempunyai ukuran-ukuran tertentu yang ditentukan kadarnya
 - D. Kewajipan yang hanya mempunyai satu tuntutan sahaja
9. 'Amalan yang mencontohi perbuatan Nabi SAW sebagai manusia biasa'. Apakah yang dimaksudkan oleh pernyataan di atas?
- A. Sunat *Muakkad*
 - B. Sunat *Zawa'id*
 - C. Sunat *Ghair Muakkad*
 - D. Sunat Biasa
10. Antara berikut merupakan bahagian daripada hukum *Taklifi*, **KECUALI**
- A. Harus
 - B. *Mani'*
 - C. Wajib
 - D. Sunat
11. Sabda Rasulullah SAW :
- "Janganlah seseorang menjual barangan di atas jualan saudaranya"
- Manakah hukum taklifi yang bersesuaian dengan hadi di atas?
- A. Makruh *Tahrim*
 - B. Makruh *Tanzih*
 - C. Haram *Lizatih*
 - D. Haram *Lighairih*

12. Antara pernyataan berikut, yang manakah **BENAR** tentang Ayat *Mutasyabihat*

- i. Jelas maksudnya
- ii. Mudah difahami
- iii. Mengandungi beberapa pengertian
- iv. Allah sahaja yang mengetahui maksudnya

- A. i dan ii
- B. ii dan iii
- C. iii dan iv
- D. i dan iv

13. Antara terjemahan berikut, yang manakah menunjukkan Lafaz Kebencian?

- A. "Dihalalkan bagi kamu (memakan makanan) yang lazat-lazat serta baik-baik".
- B. "Diwajibkan ke atas kamu menjalankan hukum qisas (balasan yang seimbang) dalam perkara orang-orang yang mati dibunuh".
- C. "Dan janganlah kamu membunuh diri seseorang manusia yang diharamkan oleh Allah membunuhnya kecuali dengan alasan yang benar".
- D. "Dan sesiapa yang membunuh seseorang mukmin dengan sengaja, maka balasannya ialah neraka jahannam".

14. 'Berbentuk perbuatan dan tingkah laku daripada Rasulullah SAW yang menegakkan hukum'.

Apakah jenis *sunnah* yang berkaitan dengan pernyataan di atas.

- A. *Sunnah Fi'liyyah*
- B. *Sunnah Qawliyyah*
- C. *Sunnah Taqririyyah*
- D. *Sunah Hamiyyah*

15. Apakah ciri-ciri Hadis Hasan?
- A. Bersambung *sanad*, perawi adil, tiada *syaz*, perawi kurang *dhabit*
 - B. Bersambung *sanad*, perawi adil, *dhabit*, tiada *syaz*
 - C. Bersambung *sanad*, perawi kurang adil, tiada *syaz*, kurang *dhabit*
 - D. Bersambung *sanad*, ada *syaz*, perawi lemah ingatan
16. Antara berikut, yang manakah **TIDAK BENAR** mengenai *Istihsan*.
- A. Ia dikenali dengan nama *Qiyas Khafiy*
 - B. Boleh membaca Al-Quran dalam keadaan berhaid bersandarkan *Istihsan*
 - C. Sesuatu hukum yang diperolehi melalui *Istihsan* akan bertentangan dengan hukum yang diperolehi melalui *Qiyas Jaliy*
 - D. Hukum yang diketahui melalui *Istihsan* bersifat *qat'i*
17. Jual beli salam merupakan merupakan jual beli yang diharuskan dalam Islam kerana memandang kepada *kemaslahatan* manusia.

Apakah yang dimaksudkan pernyataan di atas.

- A. *Maslahah Daruriyyat*
 - B. *Maslahah Tahsiniyyat*
 - C. *Maslahah Hajiyyat*
 - D. *Maslahah Mulghah*
18. Manakah antara berikut syarat beramal dengan *Masalih Mursalah*?
- i. *Kemaslahatan* hendaklah jelas dan pasti
 - ii. *Kemaslahatan* yang memberikan manfaat
 - iii. *Kemaslahatan* bersifat umum
 - iv. *Kemaslahatan* untuk sebahagian manusia
- A. i, ii dan iii
 - B. i, ii dan iv
 - C. i, iii dan iv
 - D. Semua pilihan di atas

19. Apakah jenis *uruf* yang berkaitan dengan proses jual beli sebahagian barangan secara mengunjuk tanpa lafaz ijab dan qabul?
- A. *Uruf* perbuatan
 - B. *Uruf* Am
 - C. *Uruf* Khas
 - D. *Uruf* perkataan
20. Waktu bilakan *uruf* boleh digunakan ketika ketiadaan nas syarak?
- A. Tidak bertentangan dengan prinsip syarak
 - B. Dilakukan oleh seluruh masyarakat
 - C. Telah diterima oleh masyarakat pelbagai kaum
 - D. Dapat membawa kepada kebaikan

(20 markah)

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi TUJUH(7) soalan. Jawab ENAM(6) soalan sahaja di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

- a. Berikan pengertian Usul Fiqh dari segi bahasa dan istilah
(2 markah)
- b. Jelaskan **DUA (2)** perbezaan antara kaedah yang digunakan oleh mazhab Hanafi dan ulama Mutakallimin dalam menyusun ilmu Usul Fiqh
(4 markah)
- c. Nyatakan **DUA (2)** skop perbahasan Usul Fiqh
(2 markah)
- d. Nyatakan **DUA (2)** faedah mempelajari ilmu Usul Fiqh
(2 markah)

SOALAN 2

- a. Berikan pengertian Al-Quran dari segi bahasa dan istilah
(2 markah)
- b. Tuliskan **SATU(1)** dalil Al-Quran yang menunjukkan dalil *qat'i*
(2 markah)
- c. Jelaskan pengertian ayat *Muhkamat* dan *Mutasyabihat* beserta contoh bagi keduanya
(4 markah)
- d. Nyatakan **DUA (2)** peranan Al-Quran dalam perundangan
(2 markah)

SOALAN 3

- a. Nyatakan maksud bahagian *Sunnah* berikut:
- i. Hadis *Hasan*
 - ii. Hadis *Dhaif*
 - iii. *Sunnah Taqririyyah*
- (3 markah)
- b. Apakah perbezaan antara Hadis *Riwayah* dengan Hadis *Dirayah*?
- (2 markah)
- c. Sebutkan **TIGA (3)** kriteria Hadis *Sahih*
- (3 markah)
- d. Jelaskan kehujjahan *Sunnah* yang telah anda pelajari
- (2 markah)

SOALAN 4

- a. Nyatakan pengertian *Ijmak* dari segi bahasa dan istilah
- (2 markah)
- b. Jelaskan **DUA(2)** syarat *Ijmak* yang telah anda pelajari
- (4 markah)
- c. Nyatakan **EMPAT(4)** contoh *Ijmak* yang telah berlaku pada zaman sahabat
- (4 markah)

SOALAN 5

- a. Berikan **DUA (2)** alasan yang diberikan oleh ulama yang menerima *Istihsan* sebagai sumber hukum. (2 markah)
- b. Nyatakan hujah Imam Syafi'i yang menolak *Istihsan* sebagai sumber hukum. (2 markah)
- c. Berikan contoh bagi jenis-jenis *Istihsan* yang berikut:
- i. *Istihsan* dengan *nas*
 - ii. *Istihsan* dengan *Ijmak*
 - iii. *Istihsan* dengan *masalah*
 - iv. *Istihsan* dengan *darurah*
- (4 markah)
- d. Sebutkan **DUA (2)** jenis *Istihsan* dari sudut pindahan dan tempat pindah. (2 markah)

SOALAN 6

- a) Jelaskan pengertian *Masalih Mursalah* dari segi bahasa dan istilah. (2 markah)
- b) Jelaskan **DUA (2)** pembahagian *Maslahah Mursalah* dan beserta contoh dari setiap bahagian itu. (4 markah)
- c) Nyatakan **DUA (2)** hujah ulama yang menolak *Masalih Mursalah* sebagai sumber hukum. (2 markah)

d) Nyatakan **DUA (2)** syarat beramal dengan *Masalih Mursalah*.

(2 markah)

SOALAN 7

a. Nyatakan persamaan antara *Uruf* dengan *Adat*.

(2 markah)

b. Berikan **TIGA (3)** syarat penerimaan *Uruf* sebagai sumber hukum.

(3 markah)

c. Berikan **TIGA (3)** contoh *Uruf* yang anda ketahui pada masa kini

(3 markah)

d. Huraikan pengertian *Uruf Khas* dan beserta contohnya

(2 markah)

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi DUA(2) soalan. Jawab SATU(1) soalan sahaja di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Huraikan **EMPAT (4)** cara bagaimana ilmu Usul Fiqh dapat membantu graduan Perbankan Islam memahami perjalanan operasi perbankan moden yang bertepatan berlandaskan konsep Syariat.

(20 markah)

SOALAN 2

Ilmu Usul Fiqh telah mengalami beberapa peringkat dalam perkembangannya sehingga ilmu ini berjaya disusun dan dibukukan menjadi satu ilmu yang penting bagi ulama dalam mengistinbat hukum

Huraikan sejarah perkembangan ilmu Usul Fiqh dari Zaman Nabi SAW sehingga pembukuannya pada zaman Imam Syafi'i

(20 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT

